

02 JUL, 2025

## Cekap tenaga, murah berganda



SelangorKini, Malaysia

# Cekap tenaga, murah berganda

Mulai 1 Julai ini, lebih 23.6 juta pengguna domestik di Semenanjung akan menikmati kadar tarif elektrik yang lebih adil dan progresif.

Perubahan bagi Tempoh Regulatori Keempat (RP4) membabitkan penstrukturkan semula tiga komponen iaitu kadar purata tarif asas, jadual tarif baharu dan mekanisme pelarasan kos bahan api.

Dengan pelarasan tersebut, purata kos keseluruhan tarif elektrik berkurangan sehingga 19 peratus berbanding kadar lama.

Pendek kata, sebanyak 85 peratus pengguna domestik dijangka terus menikmati kadar sama atau lebih rendah jika amalkan penggunaan tenaga secara cekap.

"Penstruktur dan penyelarasan secara menyeluruh ini merupakan langkah penting bagi merealisasikan serta memperkukuh agenda peralihan tenaga negara yang saksama dan inklusif," maklum Suruhanjaya Tenaga dalam kenyataan pada 20 Jun.

Menariknya, pengguna akan menerima bil elektrik dalam format baharu yang lebih terperinci. Ia akan memaparkan pecahan caj sekali gus membantu mencorak penggunaan tenaga mereka.

Wartawan ABDUL RAHIM SABRI menyusun semula maklumat berhubung pelarasan tarif utiliti tersebut.

### Tempoh & rangka perundangan

- berkuat kuasa 1 Julai 2025 hingga 31 Disember 2027
- dilaksana ikut kerangka Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR)

### Apa yang berubah?

- selaras kadar purata asas kepada 45.40 sen/kWj (turun daripada 45.62 sen/kWj)
- pengurangan 19 peratus kos keseluruhan tarif

### Jadual tarif baharu

- pecahan pengguna domestik & bukan domestik
- berdasarkan voltan penggunaan: rendah, sederhana & tinggi

### Mekanisme Pelarasan Kos Baharu (AFA)

- gantikan mekanisme lama (ICPT)
- penyesuaian automatik ikut harga bahan api pasaran & kadar tukaran asing
- dilapor setiap bulan di laman sesawang Suruhanjaya Tenaga

### Siapa dapat manfaat?

- pengguna domestik (rumah) bawah 1,000 kWj tidak terkesan, kadar kekal stabil
- pengguna voltan rendah (komersial kecil) bawah 200 kWj turut nikmati insentif
- 10% rebat: institut pengajian tinggi, sekolah, rumah kebajikan, rumah ibadat
- rebat bil RM40 untuk ketua isi rumah miskin tegar (e-Kasih)

### Perluas Skim Masa Penggunaan (TOU) waktu luar puncak

- Sabtu & Ahad (sepanjang hari)
- Isnin – Jumaat (10 malam – 2 petang)
- Contohnya, guna mesin basuh waktu ini untuk bil lebih rendah

### Akses maklumat dan semakan

- semak kadar di portal [www.mytnb.com.my/tariff](http://www.mytnb.com.my/tariff)
- kalkulator bil bantu rancang penggunaan lebih bijak
- semakan rebat RM40 berkuat kuasa 1 Julai 2025 hingga 31 Disember 2027

### Sokongan pengguna

- TNB CareLine: 1-300-88-5454
- E-mel: [tnbcareline@tnb.com.my](mailto:tnbcareline@tnb.com.my)
- platform rasmi TNB untuk bantuan lanjut



Sumber: Suruhanjaya Tenaga & Tenaga Nasional Berhad